



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 25-27 Februari 2023 (Sabtu-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p><b>Belanjawan 2023 Jaga Kesejahteraan Kanak-Kanak, Perkasa Kerjaya Wanita</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068894/belanjawan-2023-jaga-kesejahteraan-kanak-kanak-perkasa-kerjaya">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068894/belanjawan-2023-jaga-kesejahteraan-kanak-kanak-perkasa-kerjaya</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/246924/berita/nasional/jaga-kesejahteraan-kanak-kanak-perkasa-wanita---nancy">https://www.sinarharian.com.my/article/246924/berita/nasional/jaga-kesejahteraan-kanak-kanak-perkasa-wanita---nancy</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=7XK1dmGnuFI">https://www.youtube.com/watch?v=7XK1dmGnuFI</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939597/kpwkm-sedia-bantu-pdrm-bagi-penubuhan-unit-khas">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939597/kpwkm-sedia-bantu-pdrm-bagi-penubuhan-unit-khas</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2166176">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2166176</a></p>	<p><b>Berita Harian</b></p> <p><b>Sinar Harian</b></p> <p><b>Saiful Nizam</b></p> <p><b>Harian Metro</b></p> <p><b>Bernamea</b></p>	<b>Neutral</b>

	<p><a href="https://www.thesundaily.my/local/budget-2023-lauded-for-being-progressive-towards-developing-malaysia-madani-IP10680181">https://www.thesundaily.my/local/budget-2023-lauded-for-being-progressive-towards-developing-malaysia-madani-IP10680181</a></p> <p><a href="https://www.msn.com/en-my/news/other/we-must-take-care-of-children-s-well-being-empower-women-nancy/ar-AA17ThHB">https://www.msn.com/en-my/news/other/we-must-take-care-of-children-s-well-being-empower-women-nancy/ar-AA17ThHB</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/24/budget-2023-women039s-ministry-ready-to-work-with-central-agencies-to-set-up-children039s-development-dept-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/24/budget-2023-women039s-ministry-ready-to-work-with-central-agencies-to-set-up-children039s-development-dept-says-nancy</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2023-progresif-ke-arah-pembangunan-malaysia-madani-408144">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2023-progresif-ke-arah-pembangunan-malaysia-madani-408144</a></p> <p><a href="https://malaysiapost.com.my/2023/02/24/belanjawan-2023-menjaga-kesejahteraan-kanak-kanak-memperkasa-kerjaya-wanita/">https://malaysiapost.com.my/2023/02/24/belanjawan-2023-menjaga-kesejahteraan-kanak-kanak-memperkasa-kerjaya-wanita/</a></p> <p><a href="https://www.sinardaily.my/article/190875/malaysia/national/we-must-take-care-of-childrens-well-being-empower-women---nancy">https://www.sinardaily.my/article/190875/malaysia/national/we-must-take-care-of-childrens-well-being-empower-women---nancy</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/25/belanjawan-2023-progresif-ke-arah-pembangunan-malaysia-madani">https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/25/belanjawan-2023-progresif-ke-arah-pembangunan-malaysia-madani</a></p> <p><a href="https://suara.tv/24/02/2023/kpwkm-hargai-bajet-2023-jaga-kesejahteraan-kanak-kanak-perkasakan-kerjaya-wanita-nancy/">https://suara.tv/24/02/2023/kpwkm-hargai-bajet-2023-jaga-kesejahteraan-kanak-kanak-perkasakan-kerjaya-wanita-nancy/</a></p> <p><a href="https://utusanv.com/2023/02/24/belanjawan-2023-jaga-kesejahteraan-kanak-kanak-perkasa-kerjaya-wanita/">https://utusanv.com/2023/02/24/belanjawan-2023-jaga-kesejahteraan-kanak-kanak-perkasa-kerjaya-wanita/</a></p>	<p>The Sun Daily</p> <p>MSN</p> <p>The Star</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Post</p> <p>Sinar Daily</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Suara TV</p> <p>Utusan TV</p>	
2	<p><b>Kerajaan Akan tubuh Pasukan Khas Kekang Pornografi Kanak-Kanak</b></p> <p><a href="https://m.malaysiakini.com/news/656333">https://m.malaysiakini.com/news/656333</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-dunia/belanjawan-2023-pasukan-khas-pdrm-banteras-pornografi-kanakkanak-ditubuh-408075">https://www.astroawani.com/berita-dunia/belanjawan-2023-pasukan-khas-pdrm-banteras-pornografi-kanakkanak-ditubuh-408075</a></p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/belanjan-2023-jabatan-pembangunan-kanak-kanak-bakal-diwujudkan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/belanjan-2023-jabatan-pembangunan-kanak-kanak-bakal-diwujudkan/</a></p> <p><a href="https://www.getaran.my/artikel/semasa/41398/belanjan-2023-d11-tubuh-pasukan-khas-banteras-aktiviti-pornografi-kanak-kanak">https://www.getaran.my/artikel/semasa/41398/belanjan-2023-d11-tubuh-pasukan-khas-banteras-aktiviti-pornografi-kanak-kanak</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068978/unit-khas-pdrm-banteras-aktiviti-pornografi-kanak-kanak">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068978/unit-khas-pdrm-banteras-aktiviti-pornografi-kanak-kanak</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=5CO06umbSUQ">https://www.youtube.com/watch?v=5CO06umbSUQ</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=wRu8Dni457s">https://www.youtube.com/watch?v=wRu8Dni457s</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/246846/berita/nasional/pasukan-khas-banteras-pornografi-kanak-kanak">https://www.sinarharian.com.my/article/246846/berita/nasional/pasukan-khas-banteras-pornografi-kanak-kanak</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/25/unit-khas-bawah-d11-bantu-banteras-jenayah-pornografi-kanak-kanak-kpn/">https://malaysiagazette.com/2023/02/25/unit-khas-bawah-d11-bantu-banteras-jenayah-pornografi-kanak-kanak-kpn/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2167700">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2167700</a></p> <p><a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/25/tubuh-unit-khas-banteras-pornokanak-kanak-tepat-pada-masa-kata-ngo/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/25/tubuh-unit-khas-banteras-pornokanak-kanak-tepat-pada-masa-kata-ngo/</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Getaran</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Bernamea</p> <p>FMT</p>	
3	<p><b>Belanjawan 2023: 130 000 Rakyat Tersusah Dibantu, IPR Tumpu Pengupayaan Golongan Miskin</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068733/belanjawan-2023-130000-rakyat-tersusah-dibantu-ipr-tumpu-pengupayaan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068733/belanjawan-2023-130000-rakyat-tersusah-dibantu-ipr-tumpu-pengupayaan</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/24/130000-rakyat-tersusah-akan-dibantu-keluar-dari-kemiskinan-pm/">https://malaysiagazette.com/2023/02/24/130000-rakyat-tersusah-akan-dibantu-keluar-dari-kemiskinan-pm/</a></p> <p><a href="https://suara.tv/24/02/2023/130-ribu-rakyat-muflis-dilepaskan-mulai-1-mac-anwar/">https://suara.tv/24/02/2023/130-ribu-rakyat-muflis-dilepaskan-mulai-1-mac-anwar/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Suara TV</p>	Neutral
4	<p><b>Wanita Bekerjaya Lepas Bersalin Bakal Terima Manfaat Geran Perkeso</b></p>		Neutral

	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939528/wanita-bekerjaya-lepas-bersalin-bakal-terima-manfaat-geran-perkeso">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939528/wanita-bekerjaya-lepas-bersalin-bakal-terima-manfaat-geran-perkeso</a>	Harian Metro	
5	<p><b>Kanak-Kanak Perempuan 12 Tahun Maut Dalam Kebakaran</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/24/kanak-kanak-perempuan-12-tahun-maut-dalam-kebakaran">https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/24/kanak-kanak-perempuan-12-tahun-maut-dalam-kebakaran</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/jeritan-ayah-sakit-ayah-tolong-mangsa-kebakaran/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/jeritan-ayah-sakit-ayah-tolong-mangsa-kebakaran/</a></p> <p><a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/429703">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/429703</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/939353/ayah-tolong-sakit-panas-metroty">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/939353/ayah-tolong-sakit-panas-metroty</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=GdxI4kRZorw">https://www.youtube.com/watch?v=GdxI4kRZorw</a></p> <p><a href="https://www.malysiakini.com/news/656251">https://www.malysiakini.com/news/656251</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/24/kanak-kanak-perempuan-12-tahun-maut-dalam-kebakaran">https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/24/kanak-kanak-perempuan-12-tahun-maut-dalam-kebakaran</a></p> <p><a href="https://mediavariasi.com/2023/02/kanak-kanak-perempuan-12-tahun-maut-dalam-kebakaran/">https://mediavariasi.com/2023/02/kanak-kanak-perempuan-12-tahun-maut-dalam-kebakaran/</a></p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Utusan</p> <p>The Malaysia Insight</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Media Variasi</p>	Negatif
6	<p><b>Bayi Dua Bulan Maut Dipercayai Dihempap Abang Ketika Tidur</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/24/bayi-dua-bulan-maut-dipercayai-dihempap-abang-ketika-tidur/">https://malaysiagazette.com/2023/02/24/bayi-dua-bulan-maut-dipercayai-dihempap-abang-ketika-tidur/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-dua-bulan-maut-dipercayai-terhempap-oleh-abang-408006">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-dua-bulan-maut-dipercayai-terhempap-oleh-abang-408006</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/939324/bayi-meninggal-dunia-lemas-dihempap-abang-ketika-tidur-metroty">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/02/939324/bayi-meninggal-dunia-lemas-dihempap-abang-ketika-tidur-metroty</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/24/bayi-dua-bulan-maut-tertindih-abang-sendiri/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/24/bayi-dua-bulan-maut-tertindih-abang-sendiri/</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p>	Negatif

	<p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/246774/berita/s emasa/bayi-dua-bulan-maut-dipercavai-dihempap-abang">https://www.sinarharian.com.my/article/246774/berita/s emasa/bayi-dua-bulan-maut-dipercavai-dihempap-abang</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068548/bayi-dua-bulan-maut-dihempap-abang-berusia-lima-tahun">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068548/bayi-dua-bulan-maut-dihempap-abang-berusia-lima-tahun</a></p> <p><a href="https://ohbulan.com/bayi-maut-dipercavai-dihempap-abang-berusia-lima-tahun">https://ohbulan.com/bayi-maut-dipercavai-dihempap-abang-berusia-lima-tahun</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=2IGp-FAHUgA">https://www.youtube.com/watch?v=2IGp-FAHUgA</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=KndUFrz09uo">https://www.youtube.com/watch?v=KndUFrz09uo</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=M9IrLB7v6MU">https://www.youtube.com/watch?v=M9IrLB7v6MU</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/02/bayi-dua-bulan-maut-dipercavai-tertindih/">https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/02/bayi-dua-bulan-maut-dipercavai-tertindih/</a></p> <p><a href="https://malaysiapost.com.my/2023/02/24/bayi-dua-bulan-maut-dihempap-abang-ketika-tidur/">https://malaysiapost.com.my/2023/02/24/bayi-dua-bulan-maut-dihempap-abang-ketika-tidur/</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Berita Harian</p> <p>Oh Bulan</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan</p> <p>Malaysia Post</p>	
7	<p><b>Belanjawan 2023: Subsidi Yuran Taska, Galakan Wanita Kembali Bekerja [METROTV]</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939503/belanjawan-2023-subsidi-yuran-taska-galakan-wanita-kembali-bekerja-metrotv">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939503/belanjawan-2023-subsidi-yuran-taska-galakan-wanita-kembali-bekerja-metrotv</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/belanjawan-2023-wanita-kembali-bekerja-selepas-bersalin-raih-manfaat-perkeso-pm/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/02/belanjawan-2023-wanita-kembali-bekerja-selepas-bersalin-raih-manfaat-perkeso-pm/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068721/belanjawan-2023-dianggarkan-lebih-130000-wanita-kembali-bekerja">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068721/belanjawan-2023-dianggarkan-lebih-130000-wanita-kembali-bekerja</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=ie9GqNczuGI">https://www.youtube.com/watch?v=ie9GqNczuGI</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=sT1gENDIgSU">https://www.youtube.com/watch?v=sT1gENDIgSU</a></p> <p><a href="https://selangorkini.my/2023/02/perkeso-akan-pinda-akta-untuk-galak-wanita-kembali-bekerja-anwar/">https://selangorkini.my/2023/02/perkeso-akan-pinda-akta-untuk-galak-wanita-kembali-bekerja-anwar/</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p> <p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>Kini TV</p> <p>Selangor Kini</p>	Neutral

	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/247018/khas/belanjawan-2023/subsidi-rm180-yuran-taska-bantu-anak-dapat-pendidikan-berkualiti">https://www.sinarharian.com.my/article/247018/khas/belanjawan-2023/subsidi-rm180-yuran-taska-bantu-anak-dapat-pendidikan-berkualiti</a>	Sinar Harian	
8	<p><b>Child Development Dept To Be Set Up In Stages</b></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/26/child-development-dept-to-be-set-up-in-stages">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/26/child-development-dept-to-be-set-up-in-stages</a></p> <p><a href="https://www.theborneopost.com/2023/02/25/nancy-establishment-of-childrens-development-dept-to-be-done-in-stages/">https://www.theborneopost.com/2023/02/25/nancy-establishment-of-childrens-development-dept-to-be-done-in-stages/</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/25/setting-up-of-new-department-to-cost-rm86bil-says-nancy-shukri">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/25/setting-up-of-new-department-to-cost-rm86bil-says-nancy-shukri</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/en/business/news_budget.php?id=2167818">https://www.bernama.com/en/business/news_budget.php?id=2167818</a></p> <p><a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/25/budget-2023-one-stop-social-support-centres-get-rm8mil-lifeline-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/25/budget-2023-one-stop-social-support-centres-get-rm8mil-lifeline-says-nancy</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/656453">https://www.malaysiakini.com/news/656453</a></p> <p><a href="https://www.sinardaily.my/article/190913/malaysia/national/childrens-development-department-to-be-established-in-stages---nancy">https://www.sinardaily.my/article/190913/malaysia/national/childrens-development-department-to-be-established-in-stages---nancy</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939809/penubuhan-jabatan-pembangunan-kanak-kanak-dilaksana-secara-berperingkat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939809/penubuhan-jabatan-pembangunan-kanak-kanak-dilaksana-secara-berperingkat</a></p> <p><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2023/02/883485/budget-2023-childrens-development-dept-be-set-stages?utm_source=nst&amp;utm_medium=mostpop">https://www.nst.com.my/news/nation/2023/02/883485/budget-2023-childrens-development-dept-be-set-stages?utm_source=nst&amp;utm_medium=mostpop</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penubuhan-jabatan-pembangunan-kanakkanak-akan-dilaksana-secara-berperingkat-nancy-408198">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penubuhan-jabatan-pembangunan-kanakkanak-akan-dilaksana-secara-berperingkat-nancy-408198</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/local/nancy-establishment-of-children-s-development-dept-to-be-done-in-stages-DP10680993">https://www.thesundaily.my/local/nancy-establishment-of-children-s-development-dept-to-be-done-in-stages-DP10680993</a></p>	<p>The Star</p> <p>The Borneo Post</p> <p>The Star</p> <p>Bernama</p> <p>The Star</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Sinar Daily</p> <p>Harian Metro</p> <p>NST</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Sun Daily</p>	Neutral

	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1069198/penubuhan-jabatan-pembangunan-kanak-kanak-dilaksana-secara">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1069198/penubuhan-jabatan-pembangunan-kanak-kanak-dilaksana-secara</a>	Berita Harian	
9	<p><b>KPWKM Perlu RM86 Bilion Tubuh Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/02/25/kpwkm-perlu-rm86-bilion-tubuh-jabatan-pembangunan-kanak-kanak/">https://www.kosmo.com.my/2023/02/25/kpwkm-perlu-rm86-bilion-tubuh-jabatan-pembangunan-kanak-kanak/</a></p> <p><a href="https://tvstv.my/2023/02/25/kpwkm-perlukan-lebih-rm86-juta-untuk-tubuhkan-jabatan-kanak-kanak/">https://tvstv.my/2023/02/25/kpwkm-perlukan-lebih-rm86-juta-untuk-tubuhkan-jabatan-kanak-kanak/</a></p> <p><a href="https://www.thevibes.com/articles/news/86163/child-development-dept-to-cost-around-rm86-mil-nancy">https://www.thevibes.com/articles/news/86163/child-development-dept-to-cost-around-rm86-mil-nancy</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/anggar">https://www.buletintv3.my/nasional/anggar</a></p> <p><a href="https://www.sinchew.com.my/20230225/%E8%AE%B%E5%84%BF%E7%AB%A5%E5%8F%91%E5%B1%95%E5%B1%80%E9%9C%80860%E4%BA%BF-%E5%8D%97%E8%8C%9C%EF%BC%9A%E6%8B%A8%E6%AC%BE%E4%B8%8D%E5%A4%9F%E5%88%86%E9%98%B6%E6%AE%B5%E8%90%BD%E5%AE%9E/">https://www.sinchew.com.my/20230225/%E8%AE%B%E5%84%BF%E7%AB%A5%E5%8F%91%E5%B1%95%E5%B1%80%E9%9C%80860%E4%BA%BF-%E5%8D%97%E8%8C%9C%EF%BC%9A%E6%8B%A8%E6%AC%BE%E4%B8%8D%E5%A4%9F%E5%88%86%E9%98%B6%E6%AE%B5%E8%90%BD%E5%AE%9E/</a></p>	<p>Kosmo</p> <p>TVSTV</p> <p>The Vibes</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Sin Chew</p>	Neutral
10	<p><b>Penglibatan Syarikat Korporat Diperlukan Perkasa Wanita – Nancy</b></p> <p><a href="https://utusanv.com/2023/02/25/penglibatan-syarikat-korporat-diperlukan-perkasa-wanita-nancy/">https://utusanv.com/2023/02/25/penglibatan-syarikat-korporat-diperlukan-perkasa-wanita-nancy/</a></p> <p><a href="https://suaramerdeka.com.my/memperkasa-ekonomi-wanita-melalui-program-wanita-bangkitkpwkm/">https://suaramerdeka.com.my/memperkasa-ekonomi-wanita-melalui-program-wanita-bangkitkpwkm/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/25/nancy-hadir-keusahawanan-wanita-bangkit/">https://malaysiagazette.com/2023/02/25/nancy-hadir-keusahawanan-wanita-bangkit/</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/25/ramai-peniaga-wanita-dapat-manfaat-bantuan-mykasih-kapital-nancy/">https://malaysiagazette.com/2023/02/25/ramai-peniaga-wanita-dapat-manfaat-bantuan-mykasih-kapital-nancy/</a></p>	<p>Utusan TV</p> <p>Suara Merdeka</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=21LYJcT2dGE">https://www.youtube.com/watch?v=21LYJcT2dGE</a></p> <p><a href="https://utusan.com.my/2023/02/26/program-wanita-bangkit-kpwkm-perkasa-ekonomi-wanita-menerusi-mykasih-kapital/">https://utusan.com.my/2023/02/26/program-wanita-bangkit-kpwkm-perkasa-ekonomi-wanita-menerusi-mykasih-kapital/</a></p>	<p>Thisaigal TV Malaysia</p> <p>Utusan TV</p>	
11	<p><b>Cabaran Nancy Terajui KPWKM Dengan Baik</b></p> <p><a href="https://premium.sinarharian.com.my/article/226614/wawancara/wawancara-eksklusif/cabaran-nancy-terajui-kpwkm-dengan-baik">https://premium.sinarharian.com.my/article/226614/wawancara/wawancara-eksklusif/cabaran-nancy-terajui-kpwkm-dengan-baik</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/246938/video/wawancara/wawancara-eksklusif-wanita-tak-menang-kerana-tak-diberi-peluang">https://www.sinarharian.com.my/article/246938/video/wawancara/wawancara-eksklusif-wanita-tak-menang-kerana-tak-diberi-peluang</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=pw6Jl09AQeQ">https://www.youtube.com/watch?v=pw6Jl09AQeQ</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Sinar Harian</p>	Positif
12	<p><b>Bidang Keusahawanan: Bantu Wanita Jana Pendapatan</b></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=5VQ4iW6vzZ8">https://www.youtube.com/watch?v=5VQ4iW6vzZ8</a></p>	<p>Berita RTM</p>	Neutral
13	<p><b>Ibu Kandung, Waris Dua Kanak-Kanak Dicari</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/247131/edisi/utara/ibu-kandung-waris-dua-kanak-kanak-dicari">https://www.sinarharian.com.my/article/247131/edisi/utara/ibu-kandung-waris-dua-kanak-kanak-dicari</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral
14	<p><b>Rumah Pesona Wanita Johor Bakal Diwujudkan, Jadi Pusat Pelindungan Sementara</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/02/26/rumah-pesona-wanita-johor-bakal-diwujudkan-jadi-pusat-pelindungan-sementara/">https://malaysiagazette.com/2023/02/26/rumah-pesona-wanita-johor-bakal-diwujudkan-jadi-pusat-pelindungan-sementara/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1069653/rumah-pesona-wanita-johor-bakal-diwujudkan-sebagai-pusat">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1069653/rumah-pesona-wanita-johor-bakal-diwujudkan-sebagai-pusat</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
15	<p><b>Menangis Merindui Keletah Ceria Anak 10 Tahun Lalu [METROTV]</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/940083/menangis-merindui-keletah-ceria-anak-10-tahun-lalu-metrotv">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/940083/menangis-merindui-keletah-ceria-anak-10-tahun-lalu-metrotv</a></p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral

16	<b>Cabul Polis Wanita, Pemandu Teksi Dicekup</b>  <a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/26/cabul-polis-wanita-pemandu-teksi-dicekup/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/26/cabul-polis-wanita-pemandu-teksi-dicekup/</a>	FMT	Neutral
17	<b>Bomba Berjaya Pujuk Wanita Cuba Terjun Jambatan</b>  <a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58161-bomba-berjaya-pujuk-wanita-cuba-terjun-jambatan">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58161-bomba-berjaya-pujuk-wanita-cuba-terjun-jambatan</a>	Berita RTM	Neutral

## **BELANJAWAN 2023 JAGA KESEJAHTERAAN KANAK-KANAK, PERKASA KERJAYA WANITA**

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068894/belanjawan-2023-jaga-kesejahteraan-kanak-kanak-perkasa-kerjaya>

**Sumber : Berita Harian**



KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan bekerjasama dengan kementerian dan jabatan lain dalam usaha mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2023 hari ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sokongan Perdana Menteri dalam mempertimbangkan cadangan KPWKM untuk mewujudkan jabatan itu.

"KPWKM bersedia untuk bekerjasama rapat dengan agensi pusat seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam memperincikan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak secepat mungkin," katanya dalam kenyataan hari ini.

Nancy berkata, KPWKM turut berbesar hati atas pengumuman pertubuhan sebuah unit khas di bawah Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membanteras aktiviti pornografi kanak-kanak.

"Kami di KPWKM sedia membantu PDRM demi keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak," katanya.

Selain itu beliau berkata, KPWKM juga mengalu-alukan inisiatif di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menggalakkan wanita yang sebelum ini terpaksa berhenti kerja selepas tempoh cuti bersalin untuk menjaga anak-anak.

"Kami percaya, pindaan Akta yang akan dibawa oleh Kementerian Sumber Manusia ini akan menjadi pemangkin dan menyuntik semangat untuk golongan wanita supaya menjadi seorang ibu tidak menghalang mereka untuk terus berjaya dalam kerjaya dan profesion mereka," katanya.

Anwar dalam pembentangan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat memaklumkan PDRM melalui D11 akan bertindak lebih agresif dalam menyiasat kes-kes seksual membabitkan mangsa wanita dan kanak-kanak.

Beliau dilaporkan berkata, satu unit khas di bawah D11 akan ditubuhkan khusus untuk membanteras aktiviti pornografi kanak-kanak dan bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk mencari pelaku yang terbabit.

Pada masa sama, katanya, kerajaan akan turut menyediakan RM8 juta bagi memperkukuh peranan Pusat Sokongan Sosial Setempat sebagai tempat intervensi awal isu kesihatan mental dan keganasan rumah tangga.

"KPWKM akan mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak," katanya.

## **KERAJAAN AKAN TUBUH PASUKAN KHAS KEKANG PORNOGRAFI KANAK-KANAK**

<https://m.malaysiakini.com/news/656333>

**Sumber : Malaysia Kini**

Sebuah pasukan khas di bawah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) akan ditubuhkan khusus untuk mengekang aktiviti pornografi kanak-kanak.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pasukan berkenaan akan bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk mencari pelaku yang terlibat.

Beliau berkata Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

“Ia untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak,” kata beliau ketika membentangkan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat, di bawah Kerajaan Perpaduan hari ini.

Belanjawan 2023 sebelum ini dibentangkan oleh kerajaan terdahulu pada 7 Okt tahun lepas yang memperuntukkan sejumlah RM372.3 bilion.

Bagaimanapun, belanjawan itu tidak sempat dibahas dan diluluskan susulan pembubaran Parlimen pada 10 Okt yang memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15).

Sementara itu, Anwar berkata kerajaan akan menggubal Akta Kredit Pengguna serta menubuhkan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna bagi mengawal selia perniagaan kredit, yang dijangka dibentangkan pada tahun ini.

Beliau berkata ia bagi menjamin layanan yang adil serta melindungi hak rakyat dan perniagaan.

“Syarikat yang menyediakan perkhidmatan kredit pengguna seperti syarikat pemfaktoran dan *Buy Now Pay Later* perlu dikawal lagi bagi melindungi hak pengguna,” katanya.

Selain itu, Anwar berkata bagi membantu rakyat susah mendapat pembelaan yang adil dan saksama, Jabatan Bantuan Guaman akan menaikkan had kelayakan mendapatkan bantuan guaman penuh daripada RM30,000 kepada RM50,000.

Beliau berkata fungsi jabatan berkenaan juga akan diperluas meliputi kes-kes sivil dan syariah.

“Melangkah ke hadapan, kerajaan akan meneliti ikhtiar untuk menggubal akta yang khusus bagi menawarkan bantuan guaman percuma bagi kes jenayah supaya rakyat susah turut mendapat akses kepada keadilan,” katanya.

## **BELANJAWAN 2023: 130 000 RAKYAT TERSUSAH DIBANTU, IPR TUMPU PENGUPAYAAB GOLONGAN MISKIN**

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1068733/belanjawan-2023-130000-rakyat-tersusah-dibantu-ipr-tumpu-pengupayaan>

**Sumber : Berita Harian**



KUALA LUMPUR: Kerajaan akan membantu kira-kira 130,000 orang rakyat tersusah tanpa mengira latar belakang kaum untuk keluar daripada belenggu kemiskinan melalui langkah lebih menyeluruh.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan akan melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang akan menumpukan kepada pengupayaan golongan miskin supaya meningkatkan potensi pendapatan.

Katanya, sejumlah RM750 juta peruntukan disediakan untuk 2023 kepada Kementerian Ekonomi bagi menjayakan IPR.

"Beberapa pendekatan baharu akan dilaksana untuk mengatasi kelemahan pelaksanaan lalu bagi meningkatkan keupayaan isi rumah miskin tegar meraih pendapatan.

"Antaranya, bantuan dan kemudahan kepada peserta tidak lagi diberikan sekali gus, tetapi secara bulanan dan dipantau sama ada sewa beli kelengkapan atau subsidi penggajian untuk majikan yang mengambil peserta miskin tegar bekerja," katanya dalam pembentangan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat, hari ini.

Tambahnya, aktiviti ekonomi disertai hendaklah yang memenuhi keperluan komuniti setempat terutamanya sektor agropertanian dan makanan untuk memastikan permintaan berterusan.

Katanya, program ini menyasarkan untuk peserta meraih pendapatan RM2,000 hingga RM2,500 dalam tempoh pemantauan 24 bulan dan selepas itu dapat menjana pendapatan sendiri melalui hasil yang diperoleh.

"Terkait hal sama, kerajaan kini membayar bantuan kebajikan bernilai RM2.5 bilion kepada lebih 400,000 penerima.

"Bagi menyegerakan data dikemaskinikan dan memastikan tiada lagi yang tercicir daripada menerima bantuan, kerajaan akan melaksanakan pemutihan senarai penerima bantuan bulanan kerajaan antara ICU (Unit Penyelarasan Pelaksanaan) dan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) di bawah satu pangkalan data," katanya.

## **WANITA BEKERJAYA LEPAS BERSALIN BAKAL TERIMA MANFAAT GERAN PERKESO**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939528/wanita-bekerjava-lepas-bersalin-bakal-terima-manfaat-geran-perkeso>

**Sumber : Harian Metro**



Kuala Lumpur: Lebih 130,000 wanita yang dianggarkan kembali bekerja selepas bersalin berpeluang mendapat manfaat daripada geran Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dengan dana keseluruhan berjumlah RM290 juta setahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Perkeso akan meminda akta untuk membolehkan pemberian geran bersamaan 80 peratus daripada nilai gaji yang diinsuranskan pekerja bagi menggalakkan wanita kembali bekerja selepas mereka bersalin.

"Kerajaan prihatin dan sensitif kepada keperluan golongan wanita terutamanya yang terpaksa berhenti bekerja selepas tempoh cuti bersalin untuk menjaga anak-anak kerana kos penjagaan kanak-kanak yang tinggi.

"Justeru, majikan diharapkan dapat memainkan peranan untuk turut bertanggungjawab menyediakan pusat jagaan kanak-kanak di pejabat.

"Dalam hal ini, kerajaan akan terus memudah cara garis panduan untuk pusat jagaan kanak-kanak di pejabat termasuk membenarkan penyediaan pusat jagaan di aras pejabat yang lebih tinggi," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2023 di Parlimen, hari ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, insentif cukai sedia ada juga akan dilanjutkan bagi elaun jagaan kanak-kanak serta kos menyediakan pusat jagaan di pejabat.

Beliau berkata, jika sambutan daripada majikan kurang menggalakkan, kerajaan akan meneliti keperluan untuk mewajibkan penyediaan kemudahan terbabit demi menyokong ibu yang bekerja.

Pada masa sama katanya, kerajaan akan memudah cara proses pendaftaran dan memulakan semula program pemutihan taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang belum berdaftar di seluruh negara.

"Sejumlah RM15 juta turut disediakan sebagai pinjaman mudah bagi membantu pengusaha.

"Bagi memperluas akses pendidikan awal kanak-kanak, kerajaan akan meneruskan pembinaan 80 taska dan tabika Kemas termasuk 13 projek baharu," katanya.

Sementara itu, kerajaan pimpinan beliau turut menyediakan RM8 juta bagi memperkukuh peranan Pusat Sokongan Sosial Setempat sebagai tempat intervensi awal isu kesihatan mental dan keganasan rumah tangga.

Selain itu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak.

Katanya, Bahagian D11, Polis Diraja Malaysia akan bertindak lebih agresif dalam menyiasat kes-kes seksual, wanita dan kanak-kanak.

"Sebuah unit khas di bawah D11 juga akan ditubuhkan khusus untuk membanteras aktiviti pornografi kanak-kanak dan bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk mencari pelaku yang terbabit.

"Ini kerana kerajaan sentiasa prihatin akan keselamatan masyarakat terutamanya wanita dan kanak-kanak namun, permasalahan membabitkan wanita dan kanak-kanak masih dilihat membimbangkan saat ini," katanya.

## **KANAK-KANAK PEREMPUAN 12 TAHUN MAUT DALAM KEBAKARAN**

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/02/24/kanak-kanak-perempuan-12-tahun-maut-dalam-kebakaran>

**Sumber : Utusan Borneo**

BALING: Seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun maut selepas rumahnya di Kampung Besah, Kuala Ketil dekat sini, terbakar kira-kira 7 pagi tadi.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Wan Mohd Hamizi Wan Mohd Zin berkata mangsa dikenali sebagai Nor Batrisha Razali.

Beliau berkata Pusat Gerakan Operasi (PGO) negeri menerima panggilan kecemasan pada 7.08 pagi dan telah mengarahkan jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Baling ke lokasi kejadian.

"Setibanya di lokasi, didapati sebuah rumah kelas B telah terbakar 90 peratus dan mangsa ditemui di dalam bilik tidur tingkat bawah rumah terbabit," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Baling Supt Shamsudin Mamat yang mengesahkan kejadian itu berkata mayat mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar untuk bedah siasat.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dan laporan penuh akan menyusul," katanya. - BERNAMA

## **BAYI DUA BULAN MAUT DIPERCAYAI DIHEMPAP ABANG KETIKA TIDUR**

<https://malaysiagazette.com/2023/02/24/bayi-dua-bulan-maut-dipercayai-dihempap-abang-ketika-tidur/>

**Sumber : Malaysia Gazette**



ALOR GAJAH – “Ini semua sudah ketentuan Allah, kami reda dengan pemergiaan anak syurga kami, Maryam Sofea yang baharu berusia dua bulan,”

Itu nada sedih diluahkan Meor Syazalee Sha @ Meor Sha, 38, selepas kehilangan anak bongsunya itu dipercayai lemas akibat dihempap anak lelakinya berusia lima tahun ketika sedang tidur di rumah mereka di Taman Bidara Setia, Masjid Tanah di sini semalam.

Menurutnya, ketika kejadian, anak tunggal perempuannya itu sedang tidur bersama isterinya dalam satu bilik manakala tiga lagi anak lelakinya berusia 9, 6 dan 5 tahun tidur di bilik berasingan.

“Isteri hanya menyedari Maryam tidak sedarkan diri pada awal pagi semalam selepas mendapatinya tidak bergerak sebelum menyedari anak lelaki berusia lima tahun tidur di sebelah bayi.

“Selepas mendapati bayi tidak bergerak, kami segera membawanya ke hospital sebelum disahkan telah meninggal dunia,” katanya ketika ditemui pemberita di Unit Forensik Hospital Alor Gajah, di sini hari ini.



Meor Syazalee Sha @ Meor Sha

Mengulas lanjut, Meor Syazalee yang juga pensyarah di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Masjid Tanah berkata, walaupun sedih kehilangan anak tunggal perempuan, dia dan isteri reda dengan ketentuan Allah.

“Ujian Allah ini mungkin sedikit sahaja untuk kami jika dibandingkan dengan insan lain yang turut diuji kehilangan ahli keluarga tercinta.

“Saya cuma berharap orang ramai dapat membantu kami agar tidak memberikan sebarang komen yang tidak sensitif yang hanya akan mengganggu emosi kami sekeluarga,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintenden Arshad Abu ketika dihubungi media berkata, pihaknya hanya akan mengeluarkan kenyataan selepas mendapat hasil laporan bedah siasat.

Tinjauan *MalaysiaGazette* di Unit Forensik Hospital Alor Gajah setakat jam 12.20 tengah hari ini mendapati lebih 10 ahli keluarga sedang menunggu proses bedah siasat selesai sebelum jenazah dijangka dikebumikan di Taman Bidara Setia, Masjid Tanah – *MalaysiaGazette*.

## **BELANJAWAN 2023: SUBSIDI YURAN TASKA, GALAKAN WANITA KEMBALI BEKERJA [METROTV]**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/939503/belanjawan-2023-subsidi-yuran-taska-galakan-wanita-kembali-bekerja-metrotv>

**Sumber : Harian Metro**

Kuala Lumpur: Subsidi yuran taska RM180 sebulan disediakan kerajaan kepada penjawat awam yang perlu menghantar anak mereka pusat asuhan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan juga menaikkan had

kelayakan pendapatan bulanan isi rumah yang layak untuk menerima subsidi itu daripada RM5,000 kepada RM7,000.

Selain itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan galakan diberi kepada wanita untuk kembali bekerja selepas berhenti kerja ketika tempoh cuti bersalin untuk menjaga anak mereka disebabkan kos penjagaan kanak-kanak yang tinggi.

"Bagi menggalakkan wanita kembali bekerja, PERKESO akan meminda Aktanya untuk membolehkan pemberian geran bersamaan 80 peratus daripada nilai gaji yang diinsuranskan pekerja.

"Dianggarkan lebih 130,000 wanita yang kembali bekerja selepas bersalin akan mendapat manfaat daripada geran ini yang melibatkan dana keseluruhan RM290 juta setahun.

"Saya menyeru supaya majikan memainkan peranan untuk turut bertanggungjawab dalam penyediaan pusat jagaan kanak-kanak di pejabat. Kerajaan akan terus memudah cara garis panduan untuk pusat jagaan kanak-kanak di pejabat termasuk membenarkan penyediaan pusat jagaan di aras pejabat yang lebih tinggi," katanya yang membentangkan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat hari ini berkata.

Menurutnya, insentif cukai sedia ada juga akan dilanjutkan bagi elaun jagaan kanak-kanak serta kos menyediakan pusat jagaan di pejabat.

"Jika sambutan daripada majikan kurang menggalakkan, kerajaan akan meneliti keperluan untuk mewajibkan penyediaan kemudahan tersebut demi menyokong ibu yang bekerja," katanya.

Katanya, sejumlah RM15 juta disediakan sebagai pinjaman mudah bagi membantu pengusaha pusat jagaan.

"Pada masa yang sama, kerajaan akan memudah cara proses pendaftaran dan memulakan semula program pemutihan taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang belum berdaftar di seluruh negara.

"Bagi memperluas akses pendidikan awal kanak-kanak, kerajaan akan meneruskan pembinaan 80 taska dan tabika KEMAS termasuk 13 projek baharu," katanya.

## **CHILD DEVELOPMENT DEPT TO BE SET UP IN STAGES**

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/02/26/child-development-dept-to-be-set-up-in-stages>

**Sumber : The Star**



KUALA LUMPUR: The new Child Development Department announced in Budget 2023 will be set up in stages, says Datuk Seri Nancy Shukri (*pic*).

The Women, Family and Community Development Minister said this included the hiring of new staff to prevent existing ones from being overwhelmed.

She said most of the current ministry officers had their hands full, with many even taking on several different roles.

These included administrative tasks, organising events, helping victims make police reports and providing consultation for victims.

“These are some of the tasks that on-duty officers are in charge of daily. To prevent burnout, a large number of new staff must be hired and trained for the new department, in addition to the other costs,” she told reporters after launching the Wanita Bangkit @ KPWKM Entrepreneurship programme yesterday.

She said the setting-up of the new department would be done in phases according to the sum of allocations received and that more comprehensive details would only be revealed later.

The Wanita Bangkit @ KPWKM Entrepreneurship programme (previously known as MyKasih Kapital) aims to help women entrepreneurs succeed by providing them the opportunity to learn new skills, moral support and a small amount of capital to start their business.

According to Nancy, at least 16,950 women have benefited from the programme since its launch in 2021 with around 2,180 women joining courses related to the programme since the start of this year.

“Based on follow-ups done by ministry officers over the past six months, of the 14,770 programme participants surveyed, at least 90% have increased their income from RM500 to RM1,000 a month while the remaining 10% have seen their monthly income increase up to RM3,000,” she said, adding that she hoped the programme would continue to be supported by the various stakeholders involved.

Nancy also applauded the recently announced RM8mil allocation for one-stop social support centres (OSSC), which provide early intervention against mental health and domestic violence issues.

She pointed out that the funding was an important lifeline for OSSC.

“Whatever we have now needs to be improved, even basic necessities like clean drinking water are sometimes insufficient.

“This includes ensuring proper accommodation for victims to stay at the shelter while providing them with balanced meals.

“The RM8mil will also be used to improve our facilities and equipment while ensuring current services like direct counselling via buses are able to run smoothly,” she said.

While the current RM8mil allocation is reasonable, she hopes more funding will be provided in the future.

## KPWKM PERLU RM86 BILION TUBUH JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK

<https://www.kosmo.com.my/2023/02/25/kpwkm-perlu-rm86-bilion-tubuh-jabatan-pembangunan-kanak-kanak/>

Sumber : Kosmo



KUALA LUMPUR- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memerlukan bajet berjumlah lebih RM86 bilion termasuk menjaga kebajikan pekerja serta menambah bilangan pegawai yang berkaitan dengan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia susulan kerja yang meluas sehingga menyebabkan seorang pegawai terpaksa mengambil sehingga tujuh tugas berlainan.

“Daripada tugas pentadbiran kepada penganjuran dan penganjuran acara kepada membantu mangsa membuat laporan polis kepada memberi rundingan untuk mangsa. Ini adalah beberapa tugas yang ditanggung oleh pegawai bertugas setiap hari

“Kami menjangka lebih 86 bilion diperlukan untuk menubuh jabatan berkenaan dan ia perlu dilakukan secara sedikit demi sedikit.

“Dalam pada itu, kami sudah melahirkan serta memperkenalkan garis panduan baharu kepada pegawai-pegawai agar tugas dijalankan lebih mantap berbanding sebelum ini,” jelasnya pada sidang media ketika menghadiri Program Keusahawanan Wanita Bangkit@KPWKM bertempat di The Grand Campbell Hotel, di sini tengah hari.

Seterusnya, beliau berkata, pihaknya bercadang menubuhkan jabatan berkenaan bermula pada tahun ini namun, ia juga bergantung kepada bajet yang diperuntukan oleh kerajaan.

Mengulas lanjut Program Keusahawanan Bangkit @ KPWKM, katanya, seramai 16,950 orang wanita telah mendapat manfaat bantuan MyKasih Kapital dan menjalankan perniagaan yang mereka ceburi sejak ia mula dilancarkan.

“Bermula Januari 2023 hingga hari ini, seramai 2,180 orang peserta telah menghadiri kursus Program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital yang meliputi peserta dari seluruh negara.

“Hasil pemantauan selepas enam bulan, daripada 14,770 peserta, 90 peratus peserta telah meningkatkan pendapatan dari RM500 hingga RM1,000 sebulan.

“Sementara, 10 peratus lagi telah mendapat peningkatan sehingga RM 3,000 sebulan,” jelasnya. - KOSMO! ONLINE.

## **PENGLIBATAN SYARIKAT KORPORAT DIPERLUKAN PERKASA WANITA – NANCY**

<https://utusanv.com/2023/02/25/penglibatan-syarikat-korporat-diperlukan-perkasa-wanita-nancy/>

**Sumber : Utusan TV**



PENGLIBATAN, kerjasama dan sokongan daripada syarikat-syarikat korporat amat diperlukan bagi sama-sama membantu memperkasa golongan wanita daripada pelbagai sudut dalam bidang perniagaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, penglibatan syarikat korporat seperti Kumpulan Shapadu penting bagi membantu golongan wanita memajukan diri.

Kata beliau, Kumpulan Shapadu juga telah menyahut seruan program Wanita Bangkit@KPWKM dengan membuka peluang kepada wanita berniaga di lokasi strategik sempena kedatangan Ramadan dan Hari Raya tidak lama lagi.



Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri bersama Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Nordina Haron (tiga dari kanan), Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Datin Seri Ema Syuhaili Mohamad Sukor (dua dari kanan) dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Shapadu, Dato' Sri Shafiz Shahrani (kanan sekali) ketika hadir ke Program Wanita Bangkit@KPWKM di The Grand Campbell Hotel, Kuala Lumpur, hari ini. GAMBAR: Abd Razak Aid

“Saya dimaklumkan bahawa Kumpulan Shapadu membuka ruang bagi usahawan wanita membuka gerai pada bulan Ramadan nanti. Kita ucapkan terima kasih atas tawaran tersebut.

“Kita tahu ramai yang mempunyai bakat tetapi tidak mempunyai tempat untuk menjual. Mereka mungkin hanya menjual di rumah atau secara dalam talian. Inilah peluang bagi mereka menjual produk secara fizikal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis pelancaran program Wanita Bangkit@KPWKM di The Grand Campbell Hotel, hari ini.

The Grand Campbell Hotel merupakan anak syarikat di bawah Kumpulan Shapadu.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Nordina Haron; Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Datin Sri Ema Syuhaili Mohamad Sukor dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Shapadu, Dato' Sri Shafiz Shahrani.

Mengulas lanjut, Nancy memaklumkan program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital telah membantu seramai 16,950 wanita menjalankan perniagaan sejak ia mula dilancarkan.

Jelas beliau, inisiatif seperti itu adalah bertepatan dengan konsep Malaysia Madani di bawah Kerajaan Perpaduan yang diilhamkan Perdana Menteri dalam memastikan golongan sasaran terutama golongan wanita tidak terpinggir dalam arus pembangunan ekonomi negara.



Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri bersama Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Nordina Haron (kanan), Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, Datin Seri Ema Syuhaili Mohamad Sukor (dua dari kanan) dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Shapadu, Dato' Sri Shafiz Shahrani (belakang) melawat ruang jualan ketika hadir ke Program Wanita Bangkit@KPWKM di The Grand Campbell Hotel, Kuala Lumpur, hari ini. GAMBAR: Abd Razak Aid

Nancy memberitahu, peserta yang mengikuti kursus dan menerima bantuan modal MyKasih Kapital telah memulakan perniagaan secara kecil-kecilan seperti jualan makanan bermasak; makanan sejuk beku; jualan produk kecantikan; jualan pakaian dan ada di antaranya memulakan perniagaan dengan menjadi ejen dropsip dan hanya perlu bekerja dari rumah.

“Dalam jelajah lawatan kerja saya sejak meneraju KPWKM dan sebagai Pengerusi YKN, dari Januari 2023 hingga hari ini, seramai 2,180 peserta telah menghadiri kursus program Wanita Bangkit@KPWKM MyKasih Kapital yang meliputi peserta dari seluruh negara.

“Jumlah ini sudah menjangkau indeks prestasi utama (KPI) 100 hari saya di KPWKM iaitu 2,000 peserta. Syukur, Alhamdulillah.

“Kita tidak akan berhenti di sini, minggu depan kita akan bawa program ini ke Pulau Pinang pula,” katanya.

## CABARAN NANCY TERAJUI KPWKM DENGAN BAIK

<https://premium.sinarharian.com.my/article/226614/wawancara/wawancara-eksklusif/cabaran-nancy-terajui-kpwkm-dengan-baik>

Sumber : Premium Sinar Harian



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri bertekad memanfaatkan peluang sebagai anggota kabinet untuk terus menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara.

Ketika pemerintahan kerajaan terdahulu, beliau yang juga Ahli Parlimen Batang Sadong dilantik sebagai Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan menempuh pelbagai cabaran tatkala negara berdepan dengan pandemik Covid-19, seterusnya melumpuhkan industri pelancongan negara.

Tidak berputus asa dengan kesukaran itu, beliau mencari penyelesaian terbaik bagi membantu industri berkaitan yang terjejas untuk bangkit semula memperkasakan perniagaan mereka.

Menjelang 100 hari Kerajaan Perpaduan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mencapai 98 peratus indeks prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan dan beliau yakin mampu meneruskan kecemerlangan itu sepanjang penggal ini.

Ikuti temubual wartawan Sinar Ahad, Diana Azis bersama Nancy bagi mengetahui perancangannya dalam memacu KPWKM ke arah landasan lebih maju pada masa akan datang.

**SINAR AHAD:** Datuk Seri pernah memegang pelbagai portfolio kementerian sejak era kerajaan diterajui Datuk Seri Najib Tun Razak dan terkini disenarai dalam barisan kabinet Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Secara peribadi, kementerian mana yang lebih dekat di hati Datuk Seri dan mengapa?

NANCY: Kalau nak dikatakan dekat di hati sebenarnya saya adalah orang seni, namun saya terpaksa berfikir secara holistik selain melihat kepada takdir yang telah ditentukan ALLAH SWT.

Saya boleh katakan pelancongan memang sesuatu yang menepati jiwa, tetapi apabila diberi tugas, saya melihat bagaimana dapat memainkan peranan penting...

## **IBU KANDUNG, WARIS DUA KANAK-KANAK DICARI**

<https://www.sinarharian.com.my/article/247131/edisi/utara/ibu-kandung-waris-dua-kanak-kanak-dicari>

**Sumber : Sinar Harian**



Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kota Setar sedang mengesan ibu kandung dan waris kepada seorang kanak-kanak dan remaja untuk memudahkan urusan dilakukan terhadap mereka.

ALOR SETAR - Ibu kandung ataupun waris kepada seorang kanak-kanak dan remaja yang ditinggalkan dalam jagaan orang yang layak dan sesuai (OYLS) dicari untuk memudahkan urusan dilakukan terhadap mereka.

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Kota Setar, Siti Zaharah Sulaiman berkata, mereka adalah Nur Qaseh Zulaikha Abdul Rahman, 8, dan Muhammad Ariel Fitri Abdul Rahman, 13.

Siti Zaharah memberitahu, Nur Qaseh yang diserahkan ibu kandung ketika berusia dua minggu kepada keluarga penjaga yang diberikan amanah untuk menjaga serta memelihara dan kini berada di bawah jagaan, Latifah Chin, 60, dari Tongkang Yard, di sini.

"Bagaimanapun, kanak-kanak perempuan ini diserahkan tanpa sebarang surat menyurat dan dokumen penyerahan kanak-kanak yang sah mengikut saluran betul.

"Sebagai makluman, kanak-kanak ini dilahirkan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) namun diklasifikasikan sebagai bukan warganegara berikutan ibu kandungnya adalah warganegara Indonesia yang dikenali sebagai Wah Yuni Warisno dan kini berusia 27 tahun,"katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Sehubungan itu, beliau memberitahu, kes akan dirujuk mengikut Sub Perenggan 17(1) (e)(i) Akta Kanak-kanak 2001(Pindaan) 2016 kerana didapati kanak-kanak ini mempunyai ibu bapa atau penjaga yang sah.

Menurut Siti Zaharah, kes Muhammad Ariel pula dirujuk di bawah Perenggan 17 (1) (E) Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan) 2016 kerana didapati tidak mempunyai ibu bapa kandung atau penjaga sah.

Beliau berkata, Muhammad Ariel diserahkan ibu kandungnya, Sham Norlela Ibrahim ketika berusia 24 hari dan kini berada dalam jagaan Nurul Syazwani Zulkifli, 39, di Taman Wira Mergong, di sini.

## **RUMAH PESONA WANITA JOHOR BAKAL DIWUJUD, JADI PUSAT PELINDUNGAN SEMENTARA**

<https://malaysiagazette.com/2023/02/26/rumah-pesona-wanita-johor-bakal-diwujudkan-jadi-pusat-pelindungan-sementara/>

**Sumber : Malaysia Gazette**



ISKANDAR PUTERI – Kerajaan negeri akan mewujudkan Rumah Pesona Wanita Johor yang berperanan sebagai pusat perlindungan sementara khusus kepada mangsa keganasan rumah tangga dan penceraian.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat negeri, Khairin-Nisa Ismail berkata, pusat perlindungan wanita kendalian Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) yang terletak di Jalan Petri di Johor Bahru itu dijangka beroperasi mulai Jun depan.

“Selain mangsa keganasan rumah tangga, rumah ini akan memberi perlindungan secara percuma kepada wanita yang memerlukan bantuan seperti dalam proses penceraian dan memerlukan tempat tinggal sementara sekiranya mereka dari luar daerah,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Sentuhan Kasih Keluarga Johor 2023 di sini hari ini.

Majlis itu dirasmikan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Khairin-Nisa berkata, kerajaan negeri juga akan melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Program Kasih Suri Aspirasi Keluarga Johor iaitu program galakan simpanan masa depan yang memberi manfaat kepada 12,773 penerima yang layak.

Beliau juga berkata, Program Intervensi Keluarga dan Komuniti MIND-X akan dilaksanakan di seluruh daerah di Johor untuk meningkatkan kesejahteraan psikologi serta mental masyarakat.

Terdahulu, Onn Hafiz ketika berucap memaklumkan seramai 4,700 orang daripada empat juta populasi penduduk di Johor dikategorikan sebagai miskin tegar.

Katanya, bagi memastikan hala tuju Johor Maju dapat dicapai, pelbagai agensi termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) perlu menggembleng tenaga bagi memastikan angka itu menjadi sifar menjelang 2027.

Beliau berkata, kerajaan negeri dan Persekutuan turut memberikan pelbagai bantuan, termasuk RM10 juta daripada kerajaan negeri, bagi menjaga kebajikan rakyat di bawah YPKDT selain RM22 juta peruntukan hasil kerjasama JKM dengan kerajaan negeri yang turut dibantu oleh kerajaan Persekutuan.

“Dalam setahun, berkat gabungan semua pihak termasuk MAINJ dan badan bukan kerajaan lain, di bawah usaha kerajaan negeri, hampir 150,000 orang dibantu tahun lepas. Usaha ini kita akan teruskan supaya tidak ada golongan tercicir tanpa mengira kaum dan agama,” katanya. – Bernama

## MENANGIS MERINDUI KELETAH CERIA ANAK 10 TAHUN LALU [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/940083/menangis-merindui-keletah-ceria-anak-10-tahun-lalu-metrotv>

Sumber : Harian Metro



Kuala Berang: "Walaupun sudah 10 tahun berlalu, kejadian yang meragut keceriaan Nik Muhammad Faizul Izwan Nik Abdullah, 13, masih segar dalam ingatan," kata Asmah Pik, 37.

Ini kerana keadaan anak kedua daripada tiga beradik itu kini hanya terlantar akibat lumpuh selepas terjatuh ke dalam tali air berhampiran rumah mentuanya di Kampung Alor Keladi, Besut pada 4.30 petang sekitar Jun 2014.

Asmah berkata, anaknya menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu selama dua minggu sebelum dipindah ke wad biasa dan kini tulang belakang anaknya sudah membengkok berikutan terlantar terlalu lama.

Menurutnya, akibat kejadian itu doktor mengesahkan Nik Muhammad Faizul Izwan mengalami kecacatan kekal berikutan ketika kejadian anaknya kekurangan oksigen di bahagian otak.

Katanya, dia reda dengan kejadian yang berlaku dan akan menjaga anaknya sebaik mungkin selagi hayatnya.

"Izwan kini bergantung sepenuhnya kepada susu khas dan terpaksa dipakaikan lampin pakai buang berikutan terlantar sejak kejadian itu.

"Walaupun sebutan masih pelat ketika (kejadian) itu, namun saya merindui sapaannya apabila memanggil saya dan ayahnya... kini suara itu tidak kedengaran akibat kejadian berkenaan.

"Sudah tiada suaranya memanggil saya seperti 10 tahun lalu dan apabila dikenangkan kembali bercucuran air mata, namun saya terima takdir ini dengan reda," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Machang, Ajil, dekat sini.

Mengimbas kembali kejadian, Asmah berkata, dia menyedari anaknya tiada di dalam rumah apabila melihat pintu terbuka.

Katanya, dia mencari Nik Muhammad Faizul Izwan di sekitar rumah sebelum terlihat anaknya terapung di dalam tali air berkedalaman hampir dua meter.

"Sebaik melalui tali air yang berada di hadapan rumah, saya melihat seluar berwarna merah terapung lalu saudara terdekat yang turut mencari anak saya mengangkatnya.

"Wajah anak ketika itu sudah kebiruan dan kami membawanya ke Hospital Besut sebelum dirujuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah," katanya yang mempunyai dua lagi anak berusia lapan dan 16 tahun.

Asmah berkata, Izwan menerima bantuan bulanan RM500 daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), selain elaun RM150 sebagai pelatih di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK).

Menurutnya, mereka turut menerima bantuan susu khas dan lampin pakai buang daripada Tabung Darul Iman (TDI), namun tidak mencukupi tambahan pula suami hanya petani.

Orang ramai yang ingin membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Bank Simpanan Nasional bernombor 1150029000279463 atas nama Asmah Pik dan Nik Muhammad Faizul Izwan Nik Abdullah.

## **CABUL POLIS WANITA, PEMANDU TEKSI DICEKUP**

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/02/26/cabul-polis-wanita-pemandu-teksi-dicekup/>

**Sumber : Free Malaysia Today**

**PETALING JAYA:** Pemandu teksi warga Indonesia dicekup polis selepas disyaki mencabul seorang anggota polis wanita, dalam kejadian di medan selera di AU5, Lembah Keramat, Kuala Lumpur.

Dalam kejadian 10.55 pagi Khamis lalu, mangsa ketika itu sedang berdiri di bahagian meja untuk memilih kuih, namun secara mengejut suspek berusia 58 tahun berada di belakangnya dan didakwa bertindak meraba punggungnya.

Ketua Polis Ampang Jaya, Mohamad Farouk Eshak, berkata tidak puas hati dengan tindakan suspek, mangsa berusia 30 tahun mempersoal tindakannya, namun suspek tidak mengaku.

“(Sebaliknya) suspek menyalahkan pengadu kerana berdiri di kawasan sempit sambil memberitahu dirinya bersama isteri sedang bersarapan di situ.

“Susulan itu, polis membuat tangkapan terhadap suspek yang bekerja sebagai pemandu teksi,” katanya dalam kenyataan semalam.

Farouk berkata, suspek direman selama tiga hari sehingga hari ini bagi membantu siasatan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul.

## **BOMBA BERJAYA PUJUK WANITA CUBA TERJUN JAMBATAN**

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58161-bomba-berjaya-pujuk-wanita-cuba-terjun-jambatan>

**Sumber : Berita RTM**



***BAYAN LEPAS, 27 Februari-*** Anggota bomba berjaya memujuk seorang wanita yang dipercayai cuba terjun dari Jambatan Pulau Pinang Kedua, dekat sini, semalam.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang menerima panggilan kecemasan berkaitan kejadian itu pada pukul 4.02 petang di Kilometer 18.1 menghala ke Pulau.

Sejurus menerima panggilan itu, anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) BBP Bayan Baru diketuai Pegawai Bomba Kanan (PBK) II, Azman Mohd Razi bergegas ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba, bomba mendapati seorang wanita berusia 22 tahun cuba terjun dari atas jambatan. Mangsa juga meninggalkan sebuah kereta jenis Perodua Myvi di bahu jalan," menurut perkongsian Facebook Korporat JBPM.

Operasi menyelamatkan turut dibantu oleh anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pasukan Bomba Sukarela.

Mangsa akhirnya berjaya dipujuk dan diselamatkan pada pukul 4.44 petang.

Wanita terbabit tidak mengalami sebarang kecederaan dan berada dalam keadaan stabil.